

Sebelum Jatuh Rebah, Ibu Mangsa Tragedi Baling Kerusi Di PPR Kongsi Detik Akhir...

by **ALMASWA HAJI CHE ROS** | Jan 16, 2018 | **TRENDING** |



Tiada apa lagi yang cukup menyedihkan bila mana seorang ibu melihat anak meninggal di depan mata sendiri.

Dengan cara kematian yang agak tragis, terpaksa menadah otak anak dengan kedua belah tangan sebelum anaknya rebah dipangkuannya, pengalaman inilah yang dilalui oleh Kasthuribai A/P M. Sattayappan, 45 tahun apabila anaknya mati di depan mata selepas terkena balingan sebuah kerusi pejabat dipercayai dari tingkat 21 Flat PPR Seri Pantai (Blok 102), Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur dalam kejadian semalam.

Menceritakan kejadian lebih lanjut kejadian malam semalam yang membawa kepada kematian anak bongsunya, kata Kasthuribai, dia bersama mendiang anak bongsunya, Satiswaran turut ke bawah flat PPR itu kerana anaknya mahu membeli kad tambah nilai untuk membuat kerja



Kasturabai bertanya mengapa anaknya dibunuh.
Dia seorang budak kecil yang bukan kacau orang
pun..tanyanya

Namun kad tambah yang dihajati tidak ada. Mendiang Satiswaran kemudian mendekati ibunya secara berhadapan di hadapan lif dan tanpa diduga, sebuah kerusi tiba-tiba melayang dari bawah dan tepat mengenai kepala mangsa sehingga terbelah.

“Ketika itulah otaknya terburai. Saya tadah dengan kedua belah tangan. Anak memandang muka saya tepat tapi kosong. Dia kemudian rebah di depan mata saya lalu saya menjerit meminta tolong,’ katanya ketika ditemui di rumahnya dalam satu ziarah oleh YB Nurul Izzah selaku Ahli Parlimen Lembah Pantai yang menzahirkan rasa simpati.



Inilah kejadian semalam yang membawa kepada kematian mendiang Satiswaran yang berusia 15 tahun

Mengakui begitu sedih dan masih lagi trauma, berkali-kali dia bertanya soalan kepada barisan wartawan yang berada di sekelilingnya.

Tanya Kasthuribai, hari ini nyawa anaknya sudah pergi. Pergi kerana kerakusan dan sikap bodoh orang lain yang mengambil mudah membaling kerusi yang sudah rosak tanpa mahu menghantarnya ke ruang sampah di bawah.

"Ini bukan soal nyawa orang India. Bukan juga soal bangsa Melayu atau Cina tetapi kejadian ini melibatkan satu nyawa remaja yang langsung tidak berdosa kerana kecuai orang lain.


"Hari ini anak saya kena. Kalau esok lusa, anak orang lain atau sapa-sapa kena, kenapa tiada tindakan dalam hal ini. Ini bukan kejadian pertama. Sudah banyak kes baling barang berlaku. Ada mangsa kena 16 jahitan, ada kena 6 jahitan. Kita semua ada hati. Hari ini anak saya sudah mati. Nyawanya tak mungkin boleh datang semula. Tapi apa kita boleh buat? Apa peranan kita semua," soalnya bertalu-talu.



Kasthuribai meminta YB Nurul Izzah bercakap bagi soal kematian anaknya ke pihak berwajib malah bersedia ke Parlimen untuk berkongsi penderitaannya Mac akan datang

Mengakui masih lagi trauma dan kesedihan kerana kehilangan anak bongsu dari dua beradik itu, kata Kasthuribai, mendiang anak bongsunya itu memang baik.

“Dua hari sebelum ini, selepas balik dari sekolah, dia tolong bersihkan ruang tamu rumah yang sudah digenangi air akibat tempias hujan dari tingkap yang sudah reput. Air penuh sampai ke ruang tamu. Tanpa sempat makan dan salin pakaian, dia bersihkan rumah dahulu. Mop satu rumah. Tengoklah, bila hujan, air masuk ke dalam rumah,”katanya sambil menunjukkan kerosokan tingkap yang sudah mulai mereput akibat tempias hujan.



Mendiang Satiswaran menjadi mangsa mereka yang tidak bertanggungjawab melontar kerusi dari tingkat atas sehingga menyimpannya semalam



Wajah-wajah sedih ahli keluarga mangsa



Hanya tinggal seorang lagi anak Kasthurabai yang hanya mempunyai dua orang anak sahaja



Kasthuribai tidak dapat menahan kesedihan

Bukan saja terkenal sebagai budak baik malah mendiang anaknya itu akan mencuci ruang koridor rumah mereka jika terdapat najis haiwan selain sisa kencing orang dewasa yang sengaja membuang air kecil di tangga berkenaan.

"Anak saya yang baik sudah tiada. Siapa mahu menggantikan nyawanya yang sudah tiada akibat kecuai orang lain. Anak saya menjadi mangsa sikap orang lain," katanya dalam nada tangis bertalu.

Mungkin masih trauma dan kesedihan berpanjangan, semasa kunjungan ini Kasthuribai yang bekerja sebagai tukang masak di Chile Bangsar tiba-tiba rebah sehingga mengakibatkan keadaan menjadi panik.

Dia yang dipercayai mempunyai sakit jantung rebah sebelum dipapah oleh YB Nurul Izzah yang berada di ruang berdekatan.

Buat masa ini mendiang Satiswaran masih lagi di tempatkan Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk bedah siasat sebelum diserahkan kepada keluarga mangsa untuk upacara pengkebumian.

Malah pelaku yang mencampakkan kerusi dipercayai dari tingkat 21 masih belum ditangkap oleh pihak berkuasa kerana pihak forensik mahu mencari dna di kerusi sebelum menahan pelakunya.

Remaja turut difahamkan oleh nenek mendiang yang tinggal di tingkat 21, dia tahu dan kenal kerusi yang dibaling tepat mengenai kepala cucunya itu adalah milik jirannya yang diletakkan di ruang siar.

kanak-kanak kerana kerusi berkenaan agak berat.

Saya akan bawa isu ini ke Parlimen dan meminta jaring keselamatan dipasang di bawah lif

Berasa simpati dengan kejadian yang menimpa mendiang Satiswaran, YB Nurul Izzah memaklumkan, dia akan membawa isu tentang soal keselamatan flat-flat di bawah selenggaran DBKL ini ke Parlimen pada sidang parlimen Mac akan datang.

"Bagi saya, soal keselamatan adalah penting bagi semua orang. Ini mungkin kes melibatkan kematian pertama, namun kita mahu budaya membuang sampah ini yang boleh membahayakan nyawa orang lain dipandang serius oleh semua pihak kerana kita tahu mahu isu ini berulang. Kita berasa simpati dan saya akan mendapatkan semua maklumat lengkap mengenai isu ini bersama pihak berkuasa," katanya menegaskan, untuk langkah awal dan pertama, adalah lebih baik jaring keselamatan dipasang di bawah flat demi menjamin kesejahteraan semua penduduk.

Baling barang perangai biasa penduduk Flat PPR ini

Remaja turut mendapatkan pandangan dari Ketua Blok 100 Flat PPR Seri Pantai, Azaman bin Agam mengenai sikap buang sampah dari atas blok tanpa turun ke tempat pembuangan sampah.



Azanan mengakui kejadian baling barang dari tingkat atas sudah biasa bagi penghuni Flat PPR Seri Pantai ini

"Soal buang barang dah jadi perkara biasa bagi mereka yang suka mengambil kesempatan ini. ada yang baling tayar, rim motor, batu bata, kaca, gelas dan banyak lagi. Kejadian orang pecah kepala akibat terkena barangan dibaling sudah banyak kali berlaku. Ada menerima 16 jahitan dan lain-lain lagi.

"Biasa selaku ketua blok, saya akan berkomunikasi dengan ketua tingkat. Jika kita temui samnah diletakkan di luar kaki kita akan huka dan tanaak jika ada dokumen yang boleh kita

— *beberapa kali saya dan pengadikuasa DBKL pergi ke rumah mereka yang suka membaling sampah ini. Biasanya mereka akan diberi amaran dahulu sehingga beberapa kali. Kemudian lisan dan jika berterusan diusir dari rumah sewaan mereka,"katanya ketika ditemui dan memaklumkan terdapat 984 buah rumah bagi kedua-dua blok.*

Menyifatkan tidak timbul isu sukar membuang sampah ke ruang buang sampah, Azanan berkata, sikap mementingkan diri sendiri adalah mengapa isu ini tidak pernah selesai sejak dulu lagi.

Saksikan video ini bagaimana ibu mangsa tidak dapat menahan tangisannya...


kenapa bunuh anak saya



CER KOMEN SIKIT



Add a comment...



Latifah Mohamad · University of Science, Malaysia

Mentaliti....tengoklah siapa yg tinggal di rumah2 flat PPR Kotornya, tak terurusnya....termasuklah perangai!

Like · Reply · 8m



Mohd Azra · SMK Sinar Bintang

Cermin kereta aku kene cawan dari atas.. klu kene pale org ko rase mcm ner?



Like · Reply · 25m



Nur Shela · Registered nurse at Kementerian kesihatan malaysia

X perlu awk sebut psl kifarah..perkara yg kita sdri x tau blh jd 1 fitnah..kes cmni jdikan 1 pgjaran bt penghuni2 flat yg bsikap pentingkan diri..wlau sy x tggl d flat tp sy ckup memahami apa yg dtggung keluarga mangsa..

Like · Reply · 29m



S Zulaika Rsl · SMK Gunsanad

Mohd Fariz kesian btl.. malang x berbau

Like · Reply · 38m · Edited



Redzwan Shujaudin · Manager at Be One Excel Sdn Bhd

Bibi Aisyah

Like · Reply · 42m

Load 10 more comments

Facebook Comments Plugin

DISYORKAN

by Taboola

Viral Video Model Victoria Secret Jatuh Di Pentas Runway

Sanggup Harungi Cuaca Sejuk Demi Nak Ke Sekolah Sampai Beku Rambut Pelajar Ini - REMAJA

Sanggup Harungi Cuaca Sejuk Demi Nak Ke Sekolah Sampai Beku Rambut Pelajar Ini - REMAJA

Sponsored Links

The Most Addictive Game Of The Year!

Elvenar - Free Online Game

You May Like

Sponsored Links

If you're over 25 and own a computer, this game is a must-have!

Throne: Free Online Game

Simple, Cool Tracking Device - Selling Like Hotcakes

TrackR Bravo

Sponsored Links

Lainaa heti - Kaikki lainapalvelut joista saat lainaa heti tilille.

B00kmarks

You May Like

Sponsored Links

The must-have spy device every car owner needs to possess

TrackR

6 Jobs That Will Be Gone in 10 Years

BleuBloom.com

Sponsored Links

Father and Son Take the Same Photo For 27 Years — The Last One Will Make You Cry

Womens24x7

You May Like

Sponsored Links

Elderly Couple Took The Same Photo Every Season. Don't Cry When You See The Last!

Golden Age Memories

Father And Son Take Same Photo For 25 Years! Don't Cry When You See The Last One!

425easts.com


8 Lokasi Paling Seram Di Malaysia, Kalau Tak Cukup Berani Jangan Tengok

Perkahwinan Gay Muslim Pertama Di UK - REMAJA

PALING FEMES



"Saya Tadah Otak Anak, Dia Cuma Mampu Pandang ...



5 Langkah Paling Mudah Untuk Dapatkan Kulit Wajah ...



TERKINI! Suspek Baling Kerusi Sudah Ditahan ...



Senarai 162 Produk Yang Tidak Berdaftar Di KKM ...



Tak Perlu Cuci Rambut Tiap Hari, Ini 15 ...

Kerana Selfie Nyawa Melayang! 10 Kes Kematian Melibatkan ...